



JABATAN PERTANIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF AGRICULTURE
Bahagian Kawalan Racun Perosak dan Baja
Pesticides and Fertilizers Control Division
Tingkat 4 - 6, Wisma Tani
Jalan Sultan Salahuddin
50632 KUALA LUMPUR
MALAYSIA

Tel: 603-2030 1400
Faks: 603-2691 7551
Laman Web: www.doa.gov.my

Ruj. Kami : JP/KRP/207/12/656/2
(Our Ref.) Jld.VI (76)

Tarikh : 15 Mei 2019
(Date)

KEPADA YANG BERKENAAN

**SURAT PEKELILING LEMBAGA RACUN MAKHLUK PEROSAK
BILANGAN 3 TAHUN 2019**

Akta Racun Makhluk Perosak 1974
Pindaan Penyataan Pada Label Racun Makhluk Perosak Berkaitan Dengan
Pakaian Dan Alat Perlindungan Ketika Mengendalikan Produk
Racun Makhluk Perosak

TUJUAN

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada Syarikat Pendaftar mengenai keputusan Lembaga Racun Makhluk Perosak mengenai pindaan penyataan pada label racun makhluk perosak yang dibuat berkaitan dengan pakaian dan alat perlindungan ketika mengendalikan produk racun makhluk perosak.

JUSTIFIKASI

Pindaan pada label ini adalah mengambilkira pandangan daripada pihak Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan berkaitan keperluan penggunaan pakaian pelindung diri (PPE) yang selari dengan PPE yang dinyatakan di dalam Risalah Data Keselamatan. Ini dapat membantu memberi maklumat kepada majikan untuk menyediakan PPE yang disyorkan. Justeru itu, pengguna dapat menggunakan pakaian dan alat perlindungan yang sesuai.

Pindaan pernyataan adalah seperti berikut:

Pakaian dan Alat Perlindungan: Ketika mengendalikan produk ini, pastikan pakai pakaian pelindung diri (PPE) berpiawaian termasuk sarung tangan, gogal, kasut getah, penutup muka dan alat pernafasan mengikut kesesuaian (Rujuk Risalah Data Keselamatan).

TARIKH KUATKUASA

Tarikh kuatkuasa Surat Pekeliling ini adalah **serta-merta** iaitu pada tarikh Surat Pekeliling ini dikeluarkan.

PEMBATALAN

Dengan berkuatkuasanya Surat Pekeliling ini, arahan-arahan yang telah dikeluarkan melalui Surat Pekeliling yang tersenarai di bawah adalah **TERBATAL**:

- a) Surat Pekeliling : JP/KRP/207/12/656/2 Jld.VI (75)

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(MOHAMMAD NAZRUL FAHMI BIN ABDUL RAHIM)

Setiausaha
Lembaga Racun Makhluk Perosak

s.k :
Pengarah Eksekutif
MCPA